

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS PEPERIKSAAN DI SMK LIKAS

MUNIROH BT MOHAMAD @ MD BASIR



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS PEPERIKSAAN DI SMK LIKAS

IJAZAH : IJAZAH SARJANA (Pengurusan Dan Pentadbiran Pendidikan)

SAYA MUNIROH BT MOHAMAD @ MD BASIR

SESI PENGAJIAN : 2006 - 2008

Mengaku membenarkan disertasi ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TIDAK TERHAD



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,

(Muniroh Bt. Mohamad)

Pustakawan
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu, Sabah.

Penyelia
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS)
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 30 Oktober 2008

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus.

**PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN
KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS
PEPERIKSAAN DI SMK LIKAS**

MUNIROH BT MOHAMAD @ MD BASIR

PS05-006(K)-080

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2008

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MUNIROH BT MOHAMAD

PS05-006(K)-080


30 Oktober 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Adalah disahkan bahawa Disertasi ini yang bertajuk "Hubungan Di Antara Penglibatan Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kelas Peperiksaan Di SMK Likas yang disediakan oleh Muniroh Mohamad bagi memenuhi sebahagian syarat memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran), Universiti Malaysia Sabah.



(DR. MOHD YUSOF ABDULLAH)

Penyelia Disertasi,

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial,

Universiti Malaysia Sabah.

30 Oktober 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kekuatan fizikal dan mental sehingga saya berjaya menyiapkan kajian ini. Rasa syukur juga dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana memberikan anugerah kesihatan dari awal sehingga selesai kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Pensyarah dan Penyelia Akademik saya Dr. Mohd Yusof Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar dan motivasi terutamanya dalam penghasilan kajian ini. Keprihatinan beliau membolehkan kajian ini diperbaiki bagi memastikan kajian terbaik dapat dihasilkan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah menyampaikan ilmu dengan penuh dedikasi. Tidak lupa kepada rakan-rakan sekelas Kohort 10 terutamanya Dg. Norizah Dzulkifli yang banyak membantu sepanjang kursus ini.

Terima kasih juga kepada suami Mohd Isa B Kamsah serta rakan-rakan sejawat yang banyak memberi sokongan motivasi dari mula sehingga akhir kursus ini. Sekian.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Sumbangan kokurikulum dalam sistem persekolahan di Malaysia tidak perlu lagi dipertikaikan kepentingannya. Penglibatan pelajar dalam kegiatan ini secara realitinya tidak memberi gangguan kepada pencapaian akademik pelajar. Malahan dalam jangka panjang kegiatan kokurikulum memberi impak yang sangat baik kepada para pelajar. Walaubagaimana pun masih ramai yang tidak begitu yakin dengan kegiatan kokurikulum yang dianggap oleh banyak pihak sebagai satu aktiviti yang kurang mendatangkan faedah yang besar kepada pelajar. Tanggapan ini bukan sahaja datangnya dari ibu bapa dan pihak luar tetapi juga dalam kalangan guru-guru sendiri. Oleh itu, tujuan kajian ini dibuat untuk member gambaran bahawa kegiatan kokurikulum tidak menggugat prestasi akademik pelajar. Kajian dibuat melibatkan 150 orang pelajar tingkatan lima dan 40 orang pelajar tingkatan enam atas di SMK Likas. Dua set soal selidik digunakan untuk mendapatkan data secara sistematik dan dianalisis menggunakan program *The Statistical Package For Social Sceience* (SPSS Versi 16.0). Sebanyak dua hipotesis telah dikemukakan dalam kajian ini dan diukur menggunakan kaedah statistik deskriptif dan kolerasi pearson dengan paras signifikan $p>0.05$. hasil kajian ini didapati tidak terdapat perbezaan di antara pelajar yang aktif dan tidak aktif dengan prestasi akademikpelajar tingkatan lima dan enam atas dan juga tidak terdapat hubungan di antara kedua-duanya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

INVOLVEMENT IN COCURRICULAR ACTIVITIES AMONG STUDENTS TAKING PUBLIC EXAMINATIONS IN SMK LIKAS

Co-curricular activities play important role in Malaysian schooling system. Student involvement in co-curricular activities does not effect their academic performance. In fact, it gives them positive impact in the long run. However, there are people who think otherwise. They have that impression that it is a waste of time and not beneficial to students academically. Such thinking not only comes from parents and community members, but from teachers as well. In order to prove that co-curricular activities actually do not affect students performance academic. A research had been conducted in SMK Likas, involving 150 and 40 respondents of fifth and sixth forms respectively. Two sets of questionnaire were used to obtain systematic data. Findings were then analysed by using The Statistical Package For Social Science (SPSS Version 16.0). Two hypothesis were built up for this research end was measured by using descriptive statistic and Pearson Correlation methods ($p>0.05$) significant level. The result show there is no effect in academics performance between respondent who are actively involved in co-curricular activities and those who are passively involved.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Soalan Kajian	9
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop dan Batasan	13
1.10	Definisi Operasional	14
1.11	Kesimpulan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi konsep	18
2.3	Model	30
2.4	Teori	33

2.5	Kajian Lepas	36
2.6	Latar Belakang Kokurikulum	42
2.7	Kerangka Kajian	51
2.8	Kesimpulan	52

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Lokasi Kajian	54
3.4	Populasi Kajian	54
3.5	Instrumen Kajian	55
3.6	Kajian Rintis	58
3.7	Prosedur Kajian	59
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	60
3.9	Pengumpulan dan Penganalisan Data	61
3.10	Kesimpulan	63

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Analisis Awalan	64
4.3	Analisis Soalan dan Hipotesis Kajian	69
4.4	Rumusan	71

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan Kajian	73
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	74
5.4	Implikasi Kajian	77
5.5	Cadangan	78
5.6	Penutup	80

LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Keputusan Peperiksaan Percubaan SPM dan STPM
Lampiran C	Borang Penilaian Kokurikulum



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
NGO	Badan Bukan Kerajaan
SPSS	Statistical Package For Social Sceience
Ho	Hipotesis Nol
HA	Hipotesis altenatif



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Kaitan Kurikulum dengan Kokurikulum	2
Rajah 2.1	7 Tabiat Orang Yang Amat Berkesan	31
Rajah 2.2	Rajah Model Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah	33
Rajah 2.3	Perkaitan Antara Kegiatan Kurikulum Dan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Persekitaran.	36
Rajah 2.4	Kerangka Konsep	52



SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Perlaksanaan Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah Menengah	27
Jadual 2.2	Nilai-nilai Kependidikan Dalam Kegiatan Kokurikulum	28
Jadual 3.1	Item Instrumen Soal Selidik	56
Jadual 3.2	Skala Likert	57
Jadual 3.3	Ujian Kajian Rintis	59
Jadual 3.6	Bentuk analisis data kajian dan hipotesis	63
Jadual 4.1	Bilangan Pelajar Mengikut Aliran	64
Jadual 4.2	Bilangan Pelajar Tingkatan Lima Mengikut Tahap Penglibatan	65
Jadual 4.3	Bilangan Pelajar Tingkatan Lima Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Unit Beruniform	65
Jadual 4.4	Bilangan Pelajar Tingkatan Lima Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Sukan dan Permainan	66
Jadual 4.5	Bilangan Pelajar Tingkatan Lima Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Kelab dan Persatuan	66
Jadual 4.6	Bilangan Pelajar Tingkatan Enam Atas Mengikut Tahap Penglibatan	67
Jadual 4.7	Bilangan Pelajar Tingkatan Enam Atas Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Unit Beruniform	67
Jadual 4.8	Bilangan Pelajar Tingkatan Enam Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Sukan dan Permainan	68
Jadual 4.9	Bilangan Pelajar Tingkatan Enam Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Unit Kelab dan Persatuan	68
Jadual 4.10	Min Perbezaan Prestasi Akademik Mengikut Tahap Penglibatan Pelajar Tingkatan Lima	69
Jadual 4.11	Ujian t Pencapaian Akademik Mengikut Tahap Penglibatan Pelajar Tingkatan Lima	69
Jadual 4.12	Min Perbezaan Prestasi Akademik Mengikut Tahap Penglibatan Pelajar Tingkatan Enam Atas	69

Jadual 4.13	Ujian t Prestasi Akademik Mengikut Tahap Penglibatan Pelajar Tingkatan Enam Atas	70
Jadual 4.16	Perbezaan Min Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum Dengan Prestasi Akademik Pelajar Tingkatan Enam Atas	70
Jadual 4.17	Penerimaan dan Penolakan Hipotesis	71



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan demi perubahan bagi memastikan kecemerlangan dapat dicapai secara seimbang dan menyeluruh. Seseorang pelajar kini tidak hanya dinilai dari segi akademiknya semata-mata tetapi seharusnya meliputi gerak kerja luar yang bertujuan membentuk jiwa pelajar yang cenderung untuk melibatkan diri dalam masyarakat. Selaras dengan hasrat ini, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Dalam enam teras strategik yang diutarakan salah satunya adalah mengenai pembentukan modal insan.

Untuk melahirkan modal insan yang berkualiti maka ia tidak hanya menilai dari sudut pencapaian akademik sahaja tetapi turut meliputi semua aspek sahsiah dan keperibadian. Penjana modal insan yang berkualiti bertujuan untuk melahirkan insan yang mempunyai minda kelas pertama, mampu bersaing dalam era global, bersifat holistik, berkemahiran dan berpengetahuan serta mempunyai nilai sahsiah yang mencapai ke arah kesempurnaan. Modal insan yang berkualiti merupakan aset utama negara kerana merekalah yang akan menentukan masa depan negara bangsa. Usaha ini perlu digembleng secara menyeluruh dan ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk murid, guru, ibu bapa dan komuniti.


Sehubungan itu bagi memastikan matlamat ini tercapai dalam bidang pendidikan maka pelajar tidak seharusnya dibebankan dengan akademik semata-mata tetapi perlu juga melibatkan diri dalam kegiatan luar atau gerak kerja luar yang juga dikenali sebagai

kokurikulum. Pencapaian dalam kokurikulum membantu meningkatkan prestasi serta memberi peluang yang lebih luas untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau untuk mendapat pekerjaan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kokurikulum merupakan aktiviti kedua terpenting di sekolah selepas akademik. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk mencari pengalaman berpersatuan, bergaul, bermain, bersatu dan mengasah bakat sebagai pemimpin. Selain dari itu, ia juga dapat membuka minda pelajar dan mengurangkan tekanan menghadapi pembelajaran. Pelajar yang cergas dan aktif pastinya dapat mengaktifkan fikiran dan diharapkan dapat meningkatkan mutu pembelajaran.

Kokurikulum dan kurikulum saling mencakupi, mengait, mengukuh dan melengkapi dalam sistem pendidikan di negara ini. Aktiviti kokurikulum dapat mengukuh dan menjayakan proses pembelajaran di dalam bilik darjah (Abd. Alim, 2004).



Rajah 1: Kaitan Kurikulum dengan Kokurikulum

(Sumber dipetik dari Abd. Alim, 2004)

Sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, maka pelaksanaan kokurikulum adalah diwajibkan. Kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda, (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 5501), iaitu kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya {Rujuk Subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)} dan jika sabit kesalahan itu dilakukan secara berterusan, maka apabila disabitkan sedemikian, seseorang itu dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap kesalahan itu terus dilakukan. {Rujuk Subseksyen 135(2) Akta 550} dalam Ramlan Abdul Wahab (2004).

Umum mengetahui bahawa kegiatan kokurikulum sudah lama diwajibkan untuk dilaksanakan di semua sekolah namun pelaksanaannya adalah bergantung kepada pihak pengurusan sekolah khususnya guru-guru. Oleh kerana sistem pendidikan di negara kita lebih berorientasikan kejayaan dalam peperiksaan, maka kurikulum dipandang sebagai sesuatu yang amat penting berbanding dengan kokurikulum.

Walaupun bagaimanapun, dalam situasi sebenar walaupun kokurikulum dilaksanakan mengikut akta yang ditetapkan tetapi masih ramai pelajar yang tidak melibatkan diri secara menyeluruh kerana lebih menumpukan kepada akademik. Hal ini juga berlaku dalam kalangan guru sehinggalah ada guru-guru yang menggunakan masa kegiatan kokurikulum untuk mengadakan kelas tambahan dan latihan. Malahan terdapat segelintir guru yang turut memandang sinis terhadap pelajar yang terlalu aktif di dalam kokurikulum.

Pada kebiasaannya pelajar di sekolah sering diingatkan bahawa kejayaan mereka untuk memasuki institusi pengajian tinggi adalah bergantung kepada kecemerlangan akademik secara total. Hal ini menyebabkan pelajar sendiri tidak tahu keperluan mengikuti aktiviti kokurikulum. Hasilnya pelajar sanggup ponteng daripada kegiatan kokurikulum untuk menghadiri kelas-kelas tuisyen atau mengadakan perbincangan kumpulan.

Synder (1978) dalam Mohamad Nor Che' Noh (1982) menyatakan hubungan di antara kegiatan kokurikulum dengan pencapaian akademik sering menjadi agenda perbincangan utama kerana pada umumnya masyarakat kita terlalu menumpukan perhatian kepada pencapaian akademik semata-mata. Ini menimbulkan sistem pendidikan yang berat sebelah. Kedua-dua bidang kurikulum dan kokurikulum harus digabungkan kerana penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum merupakan satu cara untuk mobiliti sosial secara langsung atau tidak langsung melalui penanaman pencapaian kepuasan yang berkualiti, disiplin serta kepimpinan pelajar. Kokurikulum **sebenarnya** mempunyai pengaruh besar kepada pendidikan kerana ia mempunyai objektif-objektif tertentu, berorganisasi dan faedah yang sangat luas yang tidak dapat ditampung oleh kurikulum sahaja.

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menunjukkan peratusan yang amat membimbangkan guru mata pelajaran sendiri. Antara asas kebimbangan ini kerana pelajar masih lagi mengikuti aktiviti kokurikulum sama ada yang dianjurkan oleh pihak sekolah ataupun atas anjuran pihak-pihak luar yang memerlukan penglibatan dari kalangan pelajar kelas-kelas peperiksaan ini.

Dengan peratus keputusan peperiksaan yang rendah ini juga sering berlaku perbezaan pendapat di kalangan guru sendiri kerana masih terdapat guru yang membenarkan pelajar terlibat di saat-saat peperiksaan akan berlangsung. Ini kerana ramai guru beranggapan sesi pembelajaran tingkatan lima dan enam adalah sesi terakhir dalam sistem persekolahan. Oleh itu, jika pelajar gagal mereka tidak akan berpeluang untuk memperbaiki keputusan peperiksaan mereka di sekolah kerajaan. Tambahan juga ramai yang beranggapan bahawa tingkatan lima dan enam ini adalah penentu kepada kejayaan terakhir pelajar di sekolah kerana selepas ini mereka akan melanjutkan pembelajaran di institut-institut pengajian tinggi. Maka dengan itu tumpuan sepenuhnya haruslah diberikan kepada akademik.

Ramai guru juga turut beranggapan bahawa pelajar yang terlibat aktif ini sering ketinggalan dalam pembelajaran menyebabkan mereka tidak menghantar kerja rumah atau tugas yang diberikan seperti yang diminta oleh guru. Terdapat juga segelintir yang sanggup meniru tugas rakan-rakan semata-mata bagi memenuhi kehendak guru.

Asiah Abu Samad (1985) turut menyatakan bahawa pengaruh sanjungan sijil (*paper chase*) telah menebal sejak pelajar berada di sekolah rendah lagi. Ini menyebabkan kandungan dan pendekatan pendidikan para pelajar ini lebih berfokus ke arah akademik. Pada pandangan umum pelajar yang mencapai keputusan akademik yang baik akan menjamin pekerjaan atau masa hadapan yang lebih cerah. Beliau juga mendapati ada pihak menyuarakan kebimbangan mereka tentang keadaan sebenar yang berlaku di sekolah.

Namun demikian penglibatan pelajar tingkatan lima dan enam atas ini tidak dapat dielakkan sepenuhnya memandangkan penganjuran aktiviti kokurikulum dijalankan adalah sepanjang tahun sesi persekolahan. Oleh itu, perkara ini turut menjadi dilema kepada pelajar itu sendiri kerana satu pihak menggalakkan pelajar menyertai manakala di pihak lain tidak

menyokong. Lantaran daripada masalah inilah, penyelidik ingin mengkaji adakah penglibatan pelajar dari kelas peperiksaan ini mempengaruhi keputusan peperiksaan mereka.

Kajian dari Noran Fauziah (1985) juga berpendapat bahawa besar kemungkinan pelajar yang menghadapi kesukaran dalam kerja akademik akan merasakan kegiatan kokurikulum mengganggu kemajuan dalam pelajaran mereka. Ramai pelajar turut menganggap bahawa kegiatan kokurikulum adalah sesuatu yang memenatkan dan sering membuatkan mereka merasa letih. Terdapat segelintir pelajar yang meminta agar guru membatalkan atau menunda aktiviti kokurikulum yang telah dirancang dengan alasan mahu menggunakan masa tersebut untuk menyiapkan kerja rumah atau mengulangkaji pelajaran.

Namun pada yang sama terdapat juga sebilangan pelajar yang aktif dalam kokurikulum tetapi masih mampu mempamerkan keputusan peperiksaan yang membanggakan. Malahan kumpulan pelajar yang aktif ini bukan sahaja telah mengharumkan nama sekolah kerana kemenangan dalam sesuatu pertandingan yang disertai bahkan turut mempunyai imej yang positif sehinggakan dijadikan contoh kepada rakan-rakan pelajar yang lain.

Tidak dinafikan bahawa terdapat juga sebilangan pelajar yang sangat aktif di dalam kokurikulum sehingga mengabaikan pembelajaran mereka dan ada juga pelajar yang cemerlang di dalam pelajaran mendapati keputusan mereka sedikit merosot apabila terlibat secara aktif di dalam sesuatu pertandingan atau kejohanan yang disertai. Walau bagaimana pun hal ini bersifat sementara kerana prestasi akademik boleh diperbaiki dari masa ke semasa.

Pada hakikatnya, kedua-dua bidang kurikulum dan kokurikulum adalah saling bantu membantu. Dengan ilmu yang dipelajari di bilik darjah dan kemudiannya dipraktikkan di luar bilik darjah dapat membantu para pelajar menjadi insan yang sihat dan berdisiplin serta dapat

mengaitkan hubungan yang positif antara pencapaian akademik dengan kegiatan kokurikulum yang terancang. Nik Aziz Nik Pa (1990) dalam pendapatnya juga turut menyokong bahawa pembudayaan ilmu dalam bidang kokurikulum merupakan kewujudan suatu keadaan di mana setiap pelajar melibatkan diri dengan kegiatan membina skim tindakan dan operasi yang mantap serta segala tindakan dilakukan berdasarkan ilmu, nilai akhlak, kerohanian dan agama yang menjadi nilai teras dan bukan pinggiran.

Untuk menyangkal tanggapan yang negatif terhadap aktiviti kokurikulum ini, maka melalui kajian ini diharapkan satu keputusan dapat dihasilkan untuk membuktikan sama ada tanggapan yang negatif terhadap prestasi pencapaian akademik pelajar yang dikaitkan dengan penglibatan aktif mereka dalam kegiatan kokurikulum adalah tidak berasas. Secara ringkasnya, kokurikulum merupakan salah satu usaha menjadikan pendidikan lebih seimbang iaitu antara perkembangan mental dengan kerohanian. Sukatan kokurikulum yang digubal juga mempunyai matlamat jelas dan bukan untuk menambahkan beban pelajar dengan tugas yang bukan-bukan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian secara umumnya adalah untuk mengenal pasti hubungan antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar kelas peperiksaan iaitu tingkatan lima dan enam atas. Kajian ini ingin memperlihatkan adakah penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum mengganggu pembelajaran pelajar di sekolah.

Kegiatan kokurikulum sebenarnya menghasilkan pembelajaran secara tidak formal di luar bilik darjah. Pembelajaran tidak formal ini selalunya tidak diajar secara formal kerana tidak terdapat dalam sukatan pelajaran dan tidak mempunyai masa kerana sistem pendidikan di

negara kita berorientasikan peperiksaan. Tetapi pembelajaran tidak formal inilah yang akan melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi. Sekiranya pada masa-masa akan datang pelajar tidak langsung mahu bergiat dalam aktiviti kokurikulum maka mereka akan berada dalam situasi pembelajaran yang tidak seimbang kerana mereka hanya mempunyai intelek yang tinggi tetapi rohani, emosi dan jasmani yang kosong. Mereka juga tidak mempunyai ketrampilan dan ketahanan diri yang tinggi (Mohd. Nordin Hj. Mohd Nasir 1986).

Keadaan ini sangat merunsingkan kerana remaja yang terdiri dari golongan pelajar ini akan mudah terpengaruh dengan gejala sosial. Masalah ini jika tidak dibendung akan merosakkan masyarakat dan negara. Kebanyakan pelajar kita belum benar-benar memahami nilai-nilai yang terdapat di sebalik aktiviti kokurikulum secara tersurat atau tersirat kerana ia sebenarnya mampu mendorong ke arah motivasi pelajar

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini merupakan kajian situasi sebenar mengenai penglibatan pelajar-pelajar dalam gerak kerja kokurikulum di sekolah dan hubungannya terhadap prestasi akademik pelajar tingkatan lima dan enam atas. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut :-

- 1.5.1 Mengenal pasti tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum pelajar tingkatan lima dan enam atas.
- 1.5.2 Mengenal pasti perbezaan prestasi akademik pelajar yang aktif dan tidak aktif dalam kegiatan kokurikulum bagi tingkatan lima dan enam atas.

1.6 Soalan Kajian

Dalam melaksanakan kokurikulum di sekolah, guru-guru dan pihak ibu bapa hendaklah saling memahami akan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Hal ini kerana supaya apa yang arahan dari pihak berwajib terhadap kegiatan kokurikulum dapat dilangsungkan dalam suasana yang harmoni. Tindakan sesetengah ibu bapa termasuklah segelintir guru yang menyekat pelajar dari menyertai kokurikulum boleh membantutkan emosi dan juga menyumbang kepada tekanan kepada pelajar. Pelajar tidak seharusnya disekat dalam menyertai kegiatan kokurikulum walaupun berada pada tahun peperiksaan.

Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat dan seterusnya memberi gambaran sebenar mengenai penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan prestasi akademik mereka. Berikut adalah persoalan-persoalan yang timbul dalam menjalankan kajian ini, iaitu :-

- 1.6.1 Apakah tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum pelajar tingkatan lima dan enam atas.
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan prestasi akademik pelajar yang aktif dan tidak aktif dalam kegiatan kokurikulum pelajar tingkatan lima dan enam atas.

1.7 Hipotesis

Hipotesis kajian biasanya dalam kajian kuantitatif merupakan ramalan yang dibuat oleh pengkaji tentang sesuatu perhubungan atau perbezaan dalam penyelidikan, inferensi sebelum data dipungut (Chua Yan Piau, 2006). Mohd Majid Konting (2000) juga menyatakan hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara sebagai penyelesaian masalah. Hipotesis memberi jangkaan penyelidik mengenai hubungan